

PAS cadang mansuh faedah pinjaman k'tangan awam

MalaysiaKini.com

25 Ogos, 2012

Oleh Zulaikha Zulkifli

Setiausaha agung PAS Datuk Mustpha Ali berkata parti itu akan mengusulkan cadangan bagi memansuhkan faedah empat peratus yang dikenakan kepada kakitangan awam bagi pinjaman perumahan dan kenderaan.

Katanya, cadangan itu akan dikemukakan kepada Pakatan Rakyat untuk diputuskan. Beliau bercakap kepada pemberita pada sidang media selepas mesyuarat Biro Politik PAS di ibu pejabat parti itu hari ini.

Sementara itu, ketika ditemui selepas sidang media selepas itu, naib presidennya Salahuddin Ayub pula berkata cadangan tersebut akan diputuskan untuk dimasukkan dalam manifesto bersama Pakatan Rakyat.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/207084>